

---

## UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

First Semester Examination  
[Peperiksaan Semester Pertama]

Academic Session 2008/2009  
[Sidang Akademik 2008/2009]

November 2008

### **CIT573 – Financial Planning & Management** [*Perancangan dan Pengurusan Kewangan*]

Duration : 2 hours  
[Masa : 2 jam]

---

#### **INSTRUCTIONS TO CANDIDATE:** [*ARAHAN KEPADA CALON:*]

- Please ensure that this examination paper contains **TWO** questions in **NINE** printed pages before you begin the examination.

[*Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA soalan di dalam SEMBILAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.*]

- Answer **ALL** questions.

[*Jawab SEMUA soalan.*]

- This is an 'Open Book' Examination.

[*Peperiksaan ini akan dijalankan secara 'Open Book'*]

- You may answer the questions either in English or in Bahasa Malaysia.

[*Anda dibenarkan menjawab soalan sama ada dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia.*]

---

1. (a) CIMB Bank has analyzed the account receivable of MRB Bhd. The bank has chosen eight accounts totaling \$134,000 that it will accept as collateral. The bank's terms include a lending rate set at prime + 3% and a 2% commission charge. The prime rate currently is 8.5%.

- (i) The bank will adjust the account by 10% for returns and allowances. It then will lend up to 85% of the adjusted acceptable collateral. What is the maximum amount that the bank will lend to MRB Bhd?
- (ii) What is MRB Bhd's effective annual rate of interest if it borrows \$100,000 for 12 months? (Assume 365 days a year and a prime rate that remain at 8.5% during the life of the loan).

(20/100)

(b) If a company sells additional common stock and uses the proceeds to increase its inventory level and to increase its cash balances, what is the near-term impact (increase, decrease, no change) of this transaction on the following ratios? Why?

- (i) return on stockholders equity
- (ii) quick ratio
- (iii) debt to total assets
- (iv) total asset turnover

(15/100)

(c) Last year ABC Bhd had \$5 million in operating income (EBIT). The company had a net depreciation of \$1 million and an expense of \$1 million; its corporate tax rate was 26%. The company has \$14 million in non-interest-earning current assets and \$4 million in non-interest bearing current liabilities; it has \$15 million in net plant and equipment. It estimates that it has an after-tax cost of capital of 10%.

- (i) What was the company's net income for the year?
- (ii) What was the company's net cash flow?
- (iii) What was the company's net operating profit after taxes (NOPAT)?
- (iv) If capital in the previous year was \$24 million, what was the company's free cash flow for the year?

(25/100)

Answer either Question (d) or (e).

- (d) Annuar has opened a retirement fund account which pays 7% interest and requires \$5,000 annual deposits. Annuar will retire in 15 years and expects 10 years of retirement life. What is the maximum annual retirement benefit Annuar can get during his retirement years?

(15/100)

- (e) After 5-for-1 stock split, the XYZ Bhd paid a dividend of \$0.75 per new share, which represented a 9% increase over last year's pre-split dividend. What was last year's dividend per share?

(15/100)

- (f) PNU Bhd has released the following information:

Earnings available to common stockholders	\$5,000,000
Number of shares of common stock outstanding	1,000,000
Market price per share	\$50
<u>Retained earnings</u>	<u>11,600,000</u>

- (i) What are PNU Bhd's current earnings per share?
- (ii) What is PNU Bhd's current P/E ratio?
- (iii) PNU Bhd wants to use half of its earnings either to pay shareholders dividends or to repurchase shares into the treasury. If the firm pays a cash dividend, what will be the dividend per share received by existing shareholders?
- (iv) Instead of paying the cash dividend, what if the firm uses half of its earnings to pay \$55 per share to repurchase the shares, what will be the firm's new EPS? What should be the firm's new share price?

(25/100)

2. (a) Given the information below, calculate the expected growth rate (g) of dividends, using the constant growth model

$$P_0 = \frac{\hat{D}_1}{k_s - g},$$

Beta	1.75
$k_{RF}$	7%
$k_M$	11%
Dividend payout ratio	30%
$k_d$	10% (paid) on all long-term debt
P/E ratio	10
Sales	5,000 units
Sales price per unit	\$5
Variable cost per unit	\$2
Fixed cost	\$1,000
Common stock shares outstanding	5,000
Long-term debt outstanding	\$10,000
Tax rate	40%

Assume equilibrium exists in the market.

(20/100)

- (b) Delima Bhd is considering a five year, \$6,000,000 bank loan to finance service equipment. The loan has an interest rate of 10% and is amortized over five years with end of year payments. Delima Bhd can also lease the equipment for an end of year payment of \$1,790,000. What is the difference in the actual out of pocket cash flows between the two payments, by how much does one payment exceed the other?

(20/100)

- (c) KMN Enterprise is considering relaxing its credit standards to increase its currently sagging sales. As a result of the proposed relaxation, sales are expected to increase by 10% from 10,000 to 11,000 units during the coming year; the average collection period is expected to increase from 45 to 60 days and bad debts are expected to increase from 1% to 3% of sales. The sale price per unit is \$40, and the variable cost per unit is \$31. The firm's required return on equal risk investments is 25%. Evaluate the proposed relaxation, and make a recommendation to the firm.

(20/100)

- (d) After getting her degree in marketing and working for 5 years for a large department store, Sally started her own specialty shop in a regional mall. Sally's current lease calls for payments of \$1,000 at the end of each month for the next 60 months. Now the landlord offers Sally a new 5-year lease which calls for zero rent for 6 months, then rental payments of \$1,050 at the end of each month for the next 54 months. Sally's required rate of return is 11 percent. Should Sally accept the new lease? Why?

(20/100)

- (e) Transnasional Bhd (TNB) is evaluating a potential lease agreement on a truck that costs \$40,000 and falls into the MACRS 3-year class depreciation. The loan rate would be 10%, if TNB decided to borrow money and buy the asset rather than lease it. The truck has a 4-year economic life, and its estimated residual value is \$10,000. If TNB buys the truck, it would purchase a maintenance contract which costs \$1,000 per year, payable at the end of each year. The lease terms, which include maintenance, call for a \$10,000 lease payment at the beginning of each year. TNB's tax rate is 40%. Should the firm lease or buy? Why?

(20/100)

## **KERTAS SOALAN DALAM VERSI BAHASA MALAYSIA**

[CIT573]

- 6 -

1. (a) CIMB Bank telah menganalisis akaun penghutang MRB Bhd. Bank tersebut telah memilih lapan akaun berjumlah \$134,000 yang akan diterimanya sebagai cagaran. Syarat pinjaman bank ialah pinjaman ditetapkan pada kadar prima + 3% dan 2% caj komisyen. Kadar prima semasa adalah 8.5%.

- (i) Pihak bank akan membuat penyelarasan sebanyak 10% untuk pulangan dan elauan. Pihak bank kemudianya akan memberikan pinjaman sehingga 85% daripada cagaran yang telah diselaraskan. Berapakah jumlah maksimum pinjaman yang boleh diberikan oleh pihak bank kepada MRB Bhd?
- (ii) Berapakah kadar faedah tahunan yang dikenakan terhadap MRB Bhd. sekiranya syarikat meminjam \$100,000 untuk 12 bulan? (Andaikan setahun bersamaan 365 hari dan kadar prima kekal pada 8.5% semasa hayat pinjaman.

(20/100)

- (b) Sekiranya sesebuah syarikat menambah jualan syer biasa dan menggunakan hasil jualan tersebut untuk menambah tahap inventori dan meningkatkan baki tunai, apakah kesan (meningkat, menurun, tiada perubahan) dalam masa terdekat urusniaga ini terhadap nisbah-nisbah berikut? Kenapa?

- (i) pulangan atas ekuiti pemegang saham  
(ii) nisbah cepat  
(iii) hutang ke jumlah aset  
(iv) jumlah pulangan aset

(15/100)

- (c) Pada tahun lepas ABC Bhd memperolehi pendapatan daripada operasi (EBIT) sebanyak \$5 juta. Syarikat mempunyai susut nilai bersih sebanyak \$1 juta dan perbelanjaan sebanyak \$1 juta; kadar cukai syarikat ialah 26%. Syarikat mempunyai \$14 juta aset semasa yang tiada perolehan faedah dan \$4 juta dalam liabiliti semasa yang tiada dapatan faedah; ia mempunyai \$15 juta nilai bersih kilang dan peralatan. Syarikat menganggarkan kadar kos modal selepas cukai syarikat adalah 10%.

- (i) Berapakah pendapatan bersih syarikat pada tahun berkenaan?  
(ii) Berapakah aliran tunai bersih syarikat?  
(iii) Berapakah untung bersih selepas cukai (NOPAT) syarikat?  
(iv) Sekiranya modal pada tahun sebelumnya adalah \$24 juta, berapakah aliran tunai bebas pada tahun ini?

(25/100)

Jawab sama ada Soalan (d) atau (e)

- (d) Annuar telah membuka akaun tabung persaraan yang membayar faedah 7% dan memerlukan simpanan tahunan \$5,000. Beliau akan bersara dalam jangka masa 15 tahun dan menjangka 10 tahun kehidupan selepas bersara. Berapakah jumlah maksimum wang bayaran persaraan yang bakal beliau perolehi setiap tahun semasa tempoh persaraannya?

(15/100)

- (e) Selepas pecahan saham 5-untuk-1, XYZ Bhd membayar dividen sebanyak \$0.75 bagi setiap saham baru yang mewakili pertambahan 9% daripada dividen saham sebelum pecahan pada tahun lepas. Berapakah dividen setiap saham yang dibayar pada tahun lepas?

(15/100)

- (f) PNU Bhd telah mengeluarkan maklumat berikut:

Pendapatan boleh diagihkan kepada pemegang saham biasa	\$5,000,000
Jumlah saham biasa	1,000,000
Harga pasaran setiap saham	\$50
<u>Pendapatan terakru</u>	<u>11,600,000</u>

- (i) Berapakah pendapatan semasa setiap saham PNU Bhd?
- (ii) Berapakah nisbah P/E semasa PNU Bhd?
- (iii) PNU Bhd berhasrat menggunakan separuh pendapatannya sama ada untuk membayar dividen atau membeli semula saham untuk simpanan. Sekiranya pihak syarikat membayar dividen tunai, berapakah jumlah bayaran setiap saham yang bakal diterima oleh pemegang saham?
- (iv) Sebaliknya, sekiranya pihak syarikat menggunakan separuh daripada pendapatan untuk membeli semula saham pada kadar \$55 setiap saham, berapakah EPS baru syarikat? Berapakah sepatutnya harga baru saham syarikat?

(25/100)

2. (a) Diberikan maklumat di bawah, kira jangkaan kadar peningkatan dividen ( $g$ ), dengan menggunakan model peningkatan tetap (constant growth model).

$$P_0 = \frac{\hat{D}_1}{k_s - g},$$

Beta	1.75
$k_{RF}$	7%
$k_M$	11%
Nisbah bayaran dividen	30%
$k_d$	10% (dibayar) pada semua pinjaman jangka panjang
Nisbah P/E	10
Jualan	5,000 unit
Harga jualan seunit	\$5
Kos tidak tetap seunit	\$2
Kos tetap	\$1,000
Syer biasa diterbit	5,000
Pinjaman jangka panjang belum bayar	\$10,000
Kadar cukai	40%

Andaikan wujud keseimbangan di pasaran.

(20/100)

- (b) Delima Bhd menimbangkan pinjaman bank sebanyak \$6,000,000 selama lima tahun bagi membiayai pembelian perkakasan khidmat penyelenggaraan. Kadar faedah yang dikenakan ialah 10% dan ianya perlu perlunasan dalam jangka masa lima tahun dengan bayaran pada akhir tahun. Delima Bhd boleh juga menyewa perkakasan tersebut dengan bayaran \$1,790,000 pada akhir tahun. Berapakah perbezaan sebenar aliran keluar tunai di antara kedua-dua jenis pembayaran tersebut, sebanyak manakah perbezaan di antara bayaran yang dibuat?

(20/100)

- (c) KMN Enterprise bercadang untuk mempermudahkan piawaian pembiayaan kredit bagi meningkatkan jualan yang lembab. Hasil daripada tindakan ini, jualan dijangkakan meningkat sebanyak 10% daripada 10,000 unit ke 11,000 unit semasa tahun berikutnya; purata masa pungutan dijangka meningkat daripada 45 hari ke 60 hari dan hutang lapuk dijangka meningkat daripada 1% ke 3% daripada jumlah jualan. Harga jualan seunit ialah \$40, dan kos tidak tetap seunit ialah \$31. Kadar pulangan atas pelaburan sama-risiko yang dikehendaki oleh syarikat adalah 25%. Nilaikan cadangan ini dan berikan cadangan anda kepada syarikat ini.

(20/100)

- (d) Selepas memperolehi ijazah dalam bidang pemasaran dan bekerja selama 5 tahun dengan sebuah gedung jualan yang besar, Sally memulakan perniagaannya sendiri di sebuah pusat membeli belah. Perjanjian sewaan semasa Sally memerlukan beliau membayar \$1,000 sebulan pada akhir setiap bulan untuk 60 bulan berikutnya. Baru-baru ini tuan kedai berkenaan menawarkan Sally perjanjian sewaan baru selama 5 tahun yang mana memberikan sewa percuma selama 6 bulan, kemudahan bayaran sewa bulanan sebanyak \$1,050 yang dibayar pada akhir bulan untuk selama 54 bulan berikutnya. Kadar pulangan yang dikehendaki oleh Sally ialah 11%. Patutkah Sally menerima perjanjian baru ini? Kenapa?

(20/100)

- (e) Trans Nasional Bhd (TNB) sedang menilai potensi perjanjian penyewaan lori dengan kos \$40,000 dan ianya termasuk dalam kelas susut nilai MACRS 3-tahun. Kadar pinjaman ialah 10%, jika TNB memutuskan untuk meminjam wang dan membeli aset berkenaan dan bukannya menyewa; lori berkenaan mempunyai 4 tahun jangka hayat ekonomi dan jangkaan nilai sisa \$10,000. Sekiranya TNB membeli lori tersebut, syarikat juga akan membeli kontrak penyelenggaraan dengan kos \$1,000 setahun, yang dibayar pada akhir tahun. Syarat penyewaan, termasuk penyelenggaraan, menghendaki pembayaran \$10,000 bagi bayaran sewa pada awal setiap tahun. Kadar cukai TNB ialah 40%. Patutkah syarikat menyewa atau membeli? Kenapa?

(20/100)